

Perusahaan kecil akan dibantu — Mahathir

BALING, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan memberi bantuan dan tunjuk ajar bagi membolehkan penduduk kampung menjalankan perusahaan-perusahaan kecil dari bahan-bahan tempatan seperti buluh, rotan, mengkuang dan tanah liat.

Perdana Menteri menambah, yang penting usaha hendaklah dari rakyat sendiri dan kerajaan hanya memberikan bantuan penggalakan, seperti jentera serta tunjuk ajar.

Katanya, bahan-bahan yang terdapat di kampung-kampung, terutama buluh, rotan, mengkuang dan tanah liat dapat mengeluarkan hasil sekiranya rakyat mengetahui cara menggunakannya.

Berucap merasmikan Rancangan Baikpulih Dusun di Kampung Mengkuang, Baling, Perdana Menteri berkata kerajaan bersedia menghantar pegawai-pegawai yang berpengalaman mengajar penduduk kampung membuat barang-barang dari bahan tersebut yang boleh dijual di dalam dan mungkin luar negeri.

Umpamanya, buluh dapat digunakan untuk membuat rak tuala tangan yang begitu banyak digunakan di hotel dan restoran, terutama di Jepun.

Usaha yang sama boleh dijalankan di kampung-kampung untuk membekalkan barang yang serupa ke hotel dan restoran di negara ini, tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir seterusnya berkata penduduk kampung tidak seharusnya bergantung pada satu-satu tanaman saja, seperti getah, untuk mendapatkan hasil kerana pendapatannya tidak tetap memandangkan harga getah naik dan turun mengikut keperluan pasaran.

Oleh itu, untuk menjamin pendapatan yang tidak terjejas, penduduk kampung perlu mengadakan tanaman lain seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan menjalankan perusahaan kecil.

Perdana Menteri juga berpendapat kampung-kampung yang tidak tersusun dan teratur sekarang perlu diperbaiki agar tanah-tanah yang terbiar dapat digunakan untuk mendapatkan hasil.

Katanya, melalui sistem perumahan dan penyusunan semula kampung-kampung secara teratur, kerajaan juga akan dapat membawa kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan seperti jalanraya, bekalan air dan elektrik dengan lebih cepat serta sempurna. —
BERNAMA.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia